

Headline	TARIF ELEKTRIK Sarawak ambil alih Empangan Bakun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	B1,4	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	396 cm ²
Journalist	Hardi Effendi Yaacob	AdValue	RM 13,598
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,794



TARIF ELEKTRIK

Sarawak ambil alih Empangan Bakun

Ms.B4

Sarawak ambil alih Empangan Bakun

➔ Rakyat bakal nikmati tarif elektrik lebih rendah bagi tempoh jangka panjang

Oleh Hardi Effendi Yaacob
hardi@bh.com.my

Rakyat Sarawak bakal menikmati tarif elektrik lebih rendah bagi tempoh jangka panjang susulan inisiatif kerajaan negeri mengambilalih operasi Empangan Hidroelektrik Bakun di Bintulu.

Ia sebahagian daripada pendekatan strategik Ketua Menteri, Datuk Amar Abang Johari Abang Openg dalam meneruskan aspirasi Allahyarham Tan Sri Adenan Satem bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat.

Ambil alih keseluruhan pegangan ekuiti

Abang Johari berkata, inisiatif itu dilaksanakan melalui pengambilalihan keseluruhan pegangan ekuiti dalam Sarawak Hidro Sdn Bhd yang sebelum ini dimiliki Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan.

Beliau menjelaskan keseluruhan proses itu membabitkan nilai RM2.5 bilion iaitu pada harga kos pembinaan empangan itu seperti dipersetujui dalam

pertemuan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang juga Menteri Kewangan di Putrajaya, baru-baru ini.

“Hasil rundingan bersama Perdana Menteri, kita mencapai persetujuan agar keseluruhan pegangan ekuiti dalam Sarawak Hidro, syarikat pemilik dan pengendali Empangan Hidroelektrik Bakun, diambilalih oleh kerajaan negeri.

“Ini bermakna empangan hidroelektrik itu, yang terbesar seumpamanya pernah dibina, kini milik kita dan diletakkan di bawah tanggungjawab Sarawak Energy Berhad (SEB), syarikat utiliti milik penuh kerajaan negeri,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Projek Pengambilalihan Empangan Hidroelektrik Bakun Oleh Kerajaan Sarawak di pejabatnya di Wisma Bapa Malaysia, di Petra Jaya, semalam.

Hadir sama, Menteri Kemudahan Awam Sarawak, Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom dan Pengerusi SEB, Datuk Amar Abdul

Hamed Sepawi.

Kendali ikut ‘acuan sendiri’

Abang Johari yang juga Menteri Kewangan Sarawak, berkata pengambilalihan itu juga membolehkan operasi empangan terbabit dikendalikan mengikut ‘acuan sendiri’, termasuk dasar kepemimpinan negeri dalam membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

“Ini juga bagi mendukung matlamat kerajaan negeri dalam menjadikan Sarawak sebagai pengeluar utama tenaga (elektrik) bukan sahaja di dalam negara, bahkan di peringkat serantau dengan menawarkannya pada harga yang lebih berdaya saing, seterusnya menyumbang kepada ekonomi kita.

“Ia juga sebahagian daripada pelan jangka panjang kita untuk menjadikan Sarawak sebagai negeri perintis pembangunan ekonomi digital di Malaysia,” katanya.

Di Sarawak, katanya, tiada masalah untuk menawarkan tarif elektrik lebih rendah dan

Headline	TARIF ELEKTRIK Sarawak ambil alih Empangan Bakun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	B1,4	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	396 cm ²
Journalist	Hardi Effendi Yaacob	AdValue	RM 13,598
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,794

kompetitif kerana negeri ini tenaga diperbaharui, khususnya ngan terhadap penjanaaan tenaga
memiliki kepelbagaian sumber sumber hidro tanpa kebergantu- berasaskan bahan api.

Headline	TARIF ELEKTRIK Sarawak ambil alih Empangan Bakun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	B1,4	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	396 cm ²
Journalist	Hardi Effendi Yaacob	AdValue	RM 13,598
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,794

Fakta nombor

2,400 MEGAWATT
kapasiti penjanaan elektrik
Empangan Hidroelektrik Bakun

RM2.5 BILION
nilai pengambilalihan Empangan
Hidroelektrik Bakun

Headline	TARIF ELEKTRIK Sarawak ambil alih Empangan Bakun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	B1,4	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	396 cm ²
Journalist	Hardi Effendi Yaacob	AdValue	RM 13,598
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,794

